



Siaran Akhbar

PENJENAMAAN MOBILE E-WASTE KEPADA KITAR SEMARAKKAN BUDAYA KITAR SEMULA KEPADA MASYARAKAT

CYBERJAYA, 1 November 2022 --- Program kitar semula e-sisa mudah alih atau *Mobile e-Waste* seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang diperkenalkan pada tahun 2015, kini telah dijenamakan semula sebagai Projek Kitar Semula Peranti Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Kecil atau KITAR berkuat kuasa mulai 1 November 2022.

Dengan penampilan identiti, logo serta *tagline* baharu iaitu KITAR: Peranti Lama, Nafas Baharu, proses penjenamaan ini bermatlamat untuk mengukuhkan dan menambah baik lagi program berkenaan dalam menyemarakkan semangat menyumbang kembali serta menyemai budaya kitar semula kepada masyarakat. Ini selaras dengan sasaran *Sustainable Development Goals (SDG)* yang telah ditetapkan oleh United Nation.

Program ini dijayakan bersama dengan kerjasama enam (6) *Designated Universal Service Providers (DUSP)* iaitu Celcom Axiata, Digi Telecommunications, Maxis, Redtone, Telekom Malaysia dan Webe.

Di bawah penjenamaan semula itu, usaha penambahbaikan baharu program KITAR meliputi pelbagai aspek seperti pelantikan rakan usaha sama strategik iaitu Shan Poornam Metals Sdn Bhd dan Flash Malaysia Express Sdn Bhd dalam menambah baik aktiviti kitar semula dan logistik; penyusunan semula pusat sumbangan KITAR di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) seluruh negara demi kemudahan orang ramai untuk menderma e-sisa selain penstrukturkan semula Rakan Strategik kepada Rakan Advokasi dan *Drop Point*.

Sebagai permulaan, terdapat 120 lokasi kotak pengumpulan KITAR yang diletakkan di pusat PEDi terpilih dengan peluang ianya diperluaskan ke pusat-pusat PEDi lain dan Rakan *Drop Point*. Hasil yang dijana daripada pembelian balik e-sisa mudah alih ini kemudiannya akan diberikan semula kepada PEDi yang mengambil bahagian dan juga disalurkan untuk acara amal serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang lain.

Majlis pelancaran program KITAR itu telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi MCMC, Shamsul Izhan Abdul Majid, dalam satu majlis ringkas di Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya.



Gambar 1: PENGURUSI Interim MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (tengah) bersama-sama dengan Ketua Pegawai Operasi MCMC, Dato' Mohamad Ali Hanafiah Mohd Yunus (kiri) dan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi MCMC, Shamsul Izhan Abdul Majid pada majlis pelancaran Projek Kitar Semula Peranti Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Kecil (KITAR) di MCMC Tower 1, Cyberjaya.

Gambar 2: PENGURUSI Interim MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din meletakkan sebuah komputer *tablet* ke dalam kotak pengumpulan KITAR sebagai tanda simbolik bermulanya Program KITAR sambil disaksikan oleh Dato' Ali dan Encik Shamsul.

Gambar 3: PENGURUSI Interim MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (tengah) bergambar bersama-sama dengan rakan usaha sama strategik program KITAR iaitu Shan Poornam Metals Sdn Bhd yang diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya, Puan Rose Kuan (kiri) dan Flash Malaysia Express diwakili oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Projeknya, Encik Ng Hoi Yew (kanan) selepas majlis pelancaran program KITAR. Hadir sama ialah Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Encik Eddy Mazuaansyah Mohd Ali Murad (dua dari kanan).

Sepanjang tempoh tujuh (7) tahun pelaksanaannya, program *Mobile e-Waste* telah berjaya mengumpul lebih 4.7 tan metrik sisa elektronik. Di samping itu, bilangan Rakan Strategik untuk program berkenaan turut meningkat dengan signifikan apabila sejumlah 44 rakan kongsi dari pelbagai kategori seperti agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, pihak industri, peruncit, sekolah dan universiti, media mahupun komuniti termasuk PEDi di seluruh negara turut mengambil bahagian berbanding dengan hanya enam (6) Rakan Strategik pada awalnya.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV